



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE

NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PEMBANGUNAN
KOD KURSUS : DSM2153
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (80 Markah)
BAHAGIAN B (20 Markah)

Jawab semua soalan di Bahagian A dan pilih **SATU (1)** soalan sahaja di Bahagian B.

2. Sila rujuk arahan teperinci di dalam kertas soalan ini
 3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
 4. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
 5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
 6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 6 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a. Jelaskan Teori Humanistik dalam pembelajaran latihan dan pembangunan sumber manusia.

(10 markah)

- b. Sekiranya Encik Azrul ingin menjadi seorang jurulatih, terangkan peranan yang perlu ada untuk menjadi seorang jurulatih pusat latihan yang berkesan.

(10 markah)

SOALAN 2

a. Encik Aiman merupakan seorang Pegawai Sumber Manusia di Global Peace-Loving Family Sdn. Bhd. Beliau dikehendaki untuk membuat analisis keperluan latihan mengikut bidang kerja yang telah ditetapkan oleh syarikat. Sila berikan cadangan kepada Encik Aiman bagaimanakah cara yang berkesan bagi melaksanakan analisis keperluan latihan?

(10 markah)

b. Syarikat Beauty Ventures Gold telah melaksanakan kursus kepada staf di Jabatan Keselamatan Pekerja. Kursus ini dijalankan selama satu (1) hari, iaitu pada 10 Januari 2021 di Palm Resort Golf & Country Club, Senai, Johor Bahru. Sebagai Pegawai Sumber Manusia, anda diminta untuk menyediakan borang penilaian program latihan bagi kursus tersebut.

(25 markah)

SOALAN 3

a. Encik Haidir merupakan seorang jurulatih di Syarikat Fastcar Automatic Sdn.Bhd. Hasil daripada pantauan yang dilakukan oleh beliau, didapati bahawa pekerjanya masih tidak mahir untuk memasang komponen kereta dengan kemas. Encik Haidir telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan satu tempat latihan yang khusus untuk pekerjanya menjalani latihan memasang komponen kereta secara berkala. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah teknik latihan yang sesuai digunakan oleh Encik Haidir untuk melatih pekerjanya sehingga menjadi pekerja mahir?

(15 markah)

b. Apakah garis panduan yang perlu dipatuhi oleh seorang jurulatih sebelum melaksanakan pengurusan program latihan?

(10 markah)

[80 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Pilih **SATU (1)** soalan sahaja. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

FJ Food Trading adalah penyedia latihan masakan yang tersohor di Johor Bahru. Syarikat ini telah menggunakan sebuah peralatan yang terkini untuk membuat roti dan kek kepada pesertanya. Syarikat ini telah menyediakan peralatan dan kelengkapan yang terkini untuk membuat roti dan kek sewaktu melaksanakan kursus kepada pesertanya. Puan Hasanah merupakan usahwan bakeri yang telah berniaga melebihi 10 tahun. Selepas mengikuti kursus di FJ Food Trading, beliau telah membuat beberapa inovasi terhadap roti dan kek mengikut cita rasa pelanggan masa kini.

- a. Berdasarkan situasi di atas, sejauh manakah pihak pengangur telah melaksanakan teknik mempertingkatkan pemindahan latihan kepada pekerja?
(12 markah)

- b. Prestasi Puan Hasanah dapat dipertingkatkan dengan hasil pemindahan latihan dan pembelajaran yang telah disediakan oleh pihak pengangur. Pada pandangan anda, mengapakah persekitaran kerja mempengaruhi pemindahan latihan yang dipelajari oleh Puan Hasanah?
(8 markah)

SOALAN 2

Syarikat Petro Oil Advanced merupakan sebuah syarikat dalam industri minyak dan gas di Malaysia. Syarikat ini telah melaksanakan pelbagai program latihan bagi memastikan kesihatan dan keselamatan pekerja terjamin. Oleh hal yang demikian, setiap program yang dilaksanakan akan dinilai dengan teliti oleh pihak pengurusan agar kemalangan dapat dielakkan dan prestasi dapat dipertingkatkan.

- a. Bagaimanakah pendekatan *Kirkpatrick* menilai tahap keberkesanan pekerja di Syarikat Petro Oil Advanced itu?

(10 markah)

- b. Berdasarkan situasi Syarikat Petro Oil Advanced, sejauh manakah Model Perubahan Kurt Lewin membantu pengurus menilai sikap perubahan pelatihnya?

(10 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT